

Oleh Mohd Sabran Md Sani  
sab@mediaprima.com.my

**W**alaupun me-  
ngambil masa  
hanya 10 minit  
untuk mendaki kawasan  
berbukit di Dengkil, Selan-  
gor, baru-baru ini, ia sudah  
cukup membuatkan badan  
penulis berpeluh. Apa tid-  
aknya, ketika itu matahari  
meninggi di atas kepala.

Namun waktu itu dika-  
takan paling sesuai untuk  
'menjenguk' rumah burung  
walet di kawasan berkenaan  
kerana ia hanya pulang ke


sarang pada lewat petang,  
selalunya dari jam 6 petang  
hingga senja.

Perjalanan bersama juru-  
gambar dan saintis Univer-  
siti Putra Malaysia (UPM) ke  
rumah burung walet seting-  
gi tiga tingkat itu turut dite-  
mani pengusahanya, Datuk  
Mustaffa Abd Rahman dan  
penulis blog, Pak Harry.

Sistem pembesar suara  
yang diubah suai Pak Harry  
dipasang di lokasi strategik  
pada rumah burung ber-  
kenaan sedikit sebanyak  
memecah keheningan sua-  
sana keliling seakan-akan  
kicauan burung walet yang  
baru pulang ke sarang.

Misi ke rumah burung  
walet itu dalam usaha Baha-  
gian Pembangunan dan Ja-

SARANG yang dibina burung walet.



BENTUK sarang burung walet yang dihasilkan di rumah burung.

KUALITI sarang burung walet.



GAMBAR KAMARULZAMAN ARIFFIN

# Harga cecah RM10,000 sekilogram

Sarang burung walet mempunyai banyak khasiat khususnya dalam bidang perubatan

ringan Keusahawanan Pusat  
Transformasi Komuniti Uni-  
versiti (UCTC), UPM, me-  
mantau perubahan selepas  
penambahbaikan rumah  
siap dua bulan lalu.

Projek diselia Timbalan

Pengaruh-  
nya, Prof Mad-  
ya Dr Azhar Kasim  
dengan gandingan Pak  
Harry selaku rakan pintar  
daripada pihak swasta bagi  
memulih serta mening-  
katkan prestasi rumah  
burung walet.

Antara akti-  
viti UCTC

adalah turun padang dan  
bertemu pengusaha rumah  
burung walet yang tidak  
berpuas hati dengan pres-  
tasi serta pengeluaran hasil  
di rumah burung mereka.

Mengikut sejarah, burung  
walet menjadi menu eksotik  
paling istimewa yang hanya  
dinikmati keluarga diraja  
bagi 'maharaja' di China.

Hasil penghijrahan  
burung berkenaan ke Gre-  
sik, Indonesia pada 1808  
membolehkan 'menu diraja'  
itu diperluaskan pengguna-  
annya di kalangan masya-  
rakat setempat.

Industri itu diusahakan  
secara diam-diam lebih 200  
tahun, kemudian tersebar ke  
negara ini hasil penghijra-

han sekumpulan pengusaha  
dari Indonesia.

Kesesuaian negara ini  
untuk penternakan burung  
walet mendorong kumpu-  
lan pengusaha itu meng-  
gunakan bangunan terbiar  
di Setiawan dan Taiping,  
Perak, sebagai perumah  
burung walet.

Penduduk tempa-  
tan yang 'terhidu' aktiviti  
pembinaan rumah burung  
walet kemudian meng-  
ambil kesempatan meng-  
usahakan industri men-  
guntungkan itu sehingga  
jumlahnya kini mencecah  
50,000 unit.

Barangkali ramai me-  
nyamakan burung walet  
dengan spesies burung la-



DR Azhar.

sebelum berhijrah ke  
negara lain, namun  
ada juga yang tidak  
mahu pulang ke  
negara asal.

"Warna hi-  
tam pada burung  
ini sama dengan  
burung walet,  
namun cara ter-  
bangnya agak  
berbeza.

"Burung layang-  
layang akan men-  
gepakkan sayapnya  
sampai ke dada, selain per-  
gerakannya di udara secara  
turun naik. Burung walet  
mempunyai aksi 'gliding'  
dan mengepak ketika ter-  
bang di udara.

"Malah burung walet  
mempunyai kaki yang  
pendek dan bergan-  
tung sepenuhnya kepada  
kukunya untuk berpaut,"  
katanya.

Burung walet adalah spes-  
ies yang sangat unik ke-  
rana akan terapung-apung  
di udara selama 12 jam.

Dr Azhar berkata, dari  
mula matahari terbit dan  
matahari terbenam, burung  
walet akan terbang di udara.

"Spesies ini hanya turun  
dua atau tiga kali ke sarang-  
nya untuk memberikan  
makanan kepada anak.

"Penglihatan yang san-  
gat tajam membolehkan  
haiwan itu menangkap ser-  
angga pada kedudukan  
1,500 meter dari paras laut,"  
katanya.

Burung walet banyak  
ditemui terbang di perseki-  
taran Cameron Highlands,  
namun lokasi terbabit di-  
jadikan tempat menca-  
ri makanan dan bukan-  
nya bersarang berikutan

yang-layang yang sering  
kelihatan bertenggek di  
atas wayar elektrik dalam  
jumlah banyak.

Sebenarnya kedua-dua  
spesies burung itu mempu-  
nyai perbeza-  
an ketara antara  
dengan burung walet  
mendominasi ke-  
baikan dari aspek  
kesihatan.

Buktinya, air  
liur dihasilkan  
spesies 'aerodra-  
mus fuciphagus'  
itu mendapat per-  
mintaan tinggi di  
kalangan peng-  
guna di China de-  
ngan harganya di  
pasaran boleh me-  
lebihi RM10,000  
sekilogram.

Mengulas men-  
genai perbezaan  
itu, Dr Azhar berka-  
ta, burung layang-  
layang adalah spes-  
ies bermusim dan  
burung penghijrah.

Katanya, burung  
layang-layang bera-  
da di negara ini da-  
lam tempoh tertentu

ALAT twitter hitam yang dipasang menarik kedatangan burung walet.



BURUNG walet bekerjasama dalam membuat sarang.

**SARANG** burung walet dicairkan untuk menarik kedatangan burung itu ke rumah burung.

**SEMBURAN** burung walet digunakan untuk rumah burung.

**CECAIR** yang digunakan untuk menarik kedatangan burung.

**SARANG** tiruan yang dibina khas untuk anak burung walet.

**TAHI** burung menandakan kehadiran spesies itu ke dalam rumah burung.

DR Azhar (dua dari kanan) bersama penternak, Mustafa (dua dari kiri), Pak Harry (kiri) di rumah walet.

**TWITTER** yang dipasang untuk mengeluarkan bunyi burung.

banyak khasiat khususnya dalam bidang perubatan.

“Dari segi saintifik, burung walet mempunyai kebaikan kepada kesihatan kulit. Penyelidikan terhadap sarang burung walet juga banyak dilakukan. Di Jepun misalnya, kajian terhadap kandungan ‘sialic acid’ pada sarang burung walet membantu dalam kesihatan saraf otak.

“Malah didapati juga perkembangan otak kanak-kanak menjadi lebih baik sekiranya diberikan bahan berkenaan pada peringkat bayi,” katanya.

Selain itu, katanya, bahan glukosamin yang terdapat pada sarang juga baik untuk kesihatan sendi.

“Glukosamin adalah komponen semula jadi bagi tisu sendi yang sihat. Jadi, ia penting kepada warga emas yang mempunyai masalah berkenaan. Kajian juga mendapati sarang burung walet menjadi antiselesema,” katanya.

Sementara itu, Pak Harry berkata, selain manusia, sarang burung walet sudah diaplikasi kepada penternakan kuda lumba di negara Timur Tengah.

“Ia digunakan penternak kuda lumba di negara berkenaan. Hasilnya, sebaik diberikan makanan ekstrak burung walet, didapati kelajuan kuda bertambah,” katanya.

Secara keseluruhan sarang burung walet terbukti mempunyai kebaikan kesihatan seperti menjadikan kulit lebih licin dan anjal, menggalakkan perkembangan otak, menguatkan daya ingatan serta penyambung di antara tisu.

# UPM bantu pengusaha

**Industri** pengeluaran sarang burung walet berdepan cabaran apabila hampir 70 peratus rumah burung diusahakan penternak kurang produktif.

Kegagalan penternak memahami spesies burung berkenaan, ditambah dengan pengurusan rumah tidak sistematik dikenal pasti menjadi punca haiwan itu tidak memasuki rumah yang disediakan.

Sehubungan itu, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ditubuhkan pada 14 Mac lalu bersedia membantu menyelesaikan masalah dihadapi golongan terbabit.

Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Jaringan Keusahawanan UCTC, Prof Madya Dr Azhar Kasim berkata, pemilihan UPM berikutan kepakarannya dalam industri berasaskan pertanian khususnya walet.

“Kami mendapat pengiktirafan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Walet.

“UPM diketahui sebagai pakar dalam sektor ternakan, tanaman dan akuakultur. Justeru, industri yang dikenal pasti mempunyai impak berkaitan bidang profesionalisme adalah burung walet.

“Dianggarkan kira-kira 50,000 rumah burung walet diusahakan Malaysia dengan kebanyakannya kurang burung, kurang produktif dan tidak ada burung,” katanya.

Berikutan masalah itu, potensi penjana pendapatan masih ada, namun ia tidak menjelma. Justeru, UPM bergandungan bahu dengan beberapa rakan pintar dalam kerja pemuliharaan dan meningkatkan prestasi rumah burung.

“Gandingan UPM dengan rakan pintar bukan saja dapat meningkatkan keyakinan pengusaha rumah walet, tapi mewujudkan kerjasama erat antara pengusaha dengan saintis dalam aspek penyelidikan.

“Sebahagian daripada gerak kerja pemuliharaan dan penambahbaikan rumah burung walet sudah diolah supaya kutipan data saintifik dapat dipermudahkan

bagi tujuan penyelidikan saintifik,” katanya.

Penemuan baru hasil daripada kajian saintifik ini dijangka dapat dikongsi bersama dengan rakan industri supaya industri dapat dilonjakkan ke tahap lebih tinggi.

“Kerja penambahbaikan membabitkan gandingan UPM-rakan pintar sudah menampakkan kejayaan yang dapat dibanggakan.

“Antara daerah terbabit dengan usaha sama ini adalah Sungai Petani, Kedah; Dengkil dan Hulu Langat di Selangor,” katanya.

Dr Azhar berkata, sekiranya rumah bermasalah dapat dipulihkan, pengusaha rumah burung berpotensi memperoleh pulangan lumayan.

“Ada 1,001 punca dikaitkan dengan rumah burung walet yang kurang atau tidak produktif. Antara langkah permulaan dalam gerak kerja diamalkan UCTC bersama rakan pintar, melaksanakan siasatan menyeluruh.

“Punca masalah akan dikenal pasti dan pengusaha akan menerima laporan terperinci dengan anggaran kos bagi kerja pemuliharaan yang munasabah,” katanya.

Situasi paling mencabar dalam melaksanakan aktiviti pemuliharaan rumah walet apabila rumah burung dibina tidak selari dengan konsep mendirikan rumah walet.

“Contohnya, rumah walet dibina pada lokasi yang jarang dilihat burung. Proses untuk meningkatkan jumlah sarang selepas pemuliharaan dibuat pada amnya mengambil masa lama,” katanya.

Individu yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan penyelesaian kepada masalah berkenaan boleh menyertai kursus Kaedah Menambahbaikan Penghasilan Sarang Burung Walet anjuran UCTC yang bakal berlangsung pada 29 dan 30 Mei ini.

Penceramah terdidi dalam kalangan rakan pintar dan saintis UPM. Yuran penyertaan dikenakan berpatutan.

Maklumat lanjut berkaitan kursus itu boleh diperoleh melalui urusetia dengan menghubungi talian 03-89471807/1814/1816/1819.

keadaannya yang sejuk.

Menurutnya, ada dua spesies utama burung walet iaitu jenis ‘aerodramus fuciphagus’ dan ‘aerodramus maximus’.

“Aerodramus fuciphagus mempunyai banyak sub spesies terutama perbezaan bentuk badan dan warna sarang. Spesies ini mempunyai sarang berwarna putih dan mempunyai nilai komersial lebih tinggi, selain kurang bulu.

“Bagi spesies aerodramus maximus, warnanya lebih gelap kerana mempunyai kandungan bulu lebih banyak. Ini kerana spesies itu menjadikan gua sebagai perumah,” katanya, sambil

menambah, setiap spesies juga dipercayai ada ciri berbeza termasuk suara tersen-

